

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HIU 225 – Pendidikan Nilai-Nilai Murni Dari Perspektif Islam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. [a] Huraikan tentang hakikat kejadian manusia dari segi jasmani dan rohaninya.
[40 markah]
- [b] Berdasarkan maksud hadith Rasulullah s.a.w.
“*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*”
Bincangkan kepentingan akhlak dalam ajaran Islam dan kaitannya dengan ilmu kerohanian.
[60 markah]
2. [a] Bincangkan persoalan tentang roh, hati, ‘*aql* dan *nafs* dalam ilmu kerohanian.
[50 markah]
- [b] Jelaskan pengertian *mujahadah al-nafs* dan huraikan rukun-rukunnya.
[50 markah]
3. [a] Huraikan persoalan tentang penyakit hati dan kaedah-kaedah rawatannya menurut Islam.
[40 markah]
- [b] Jelaskan definisi *tazkiyah al-nafs* dari segi bahasa dan istilah serta huraikan kepentingan-kepentingan *tazkiyah al-nafs*.
[60 markah]
4. [a] Bincangkan faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan penyelewengan akhlak dan cara-cara mengatasinya menurut pandangan Islam.
[50 markah]
- [b] Huraikan kaitan ilmu tauhid dan ilmu fekah dengan ilmu kerohanian.
[50 markah]
5. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan akhlak dan nyatakan unsur-unsurnya.
[15 markah]

- [b] Huraikan hujah-hujah yang mengatakan akhlak itu boleh diubah.
[40 markah]
- [c] Bincangkan adab-adab tujuh anggota badan seperti yang
disarankan dalam Islam.
[45 markah]